

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH
[MUKAH]**

TARIKH : 01 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian untuk menyelaraskan penggunaan ‘Touch n Go’ menjelang 2019 ke atas semua pengangkutan awam sebagai kaedah pembayaran tiket yang tunggal.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kad *Touch 'n Go* boleh digunakan di kesemua laluan rel bandar merangkumi kesemua laluan LRT, MRT, Monorel, BRT Sunway dan KTM Komuter serta di semua Bas *RapidKL* dan Bas *MRT Feeder*. Kerajaan juga sedang dalam proses memperkenalkan penggunaan Kad *Touch 'n Go* bagi perkhidmatan bas di luar Lembah Klang iaitu di bawah projek *Stage Bus Service Transformation (SBST)*.
2. Bagi menambah baik kaedah pembayaran bagi sistem pengangkutan awam, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) juga sedang giat membangunkan sistem tiket bersepadu di Lembah Klang atau lebih dikenali sebagai *Integrated Common Payment System (ICPS)*. Perlaksanaan projek ini dibuat secara berperingkat dan dijadual akan dapat digunakan sepenuhnya pada tahun 2019. Melalui ICPS, penumpang akan dapat menggunakan kaedah pembayaran secara *cashless* iaitu Kad Bank *MyDebit* dan kad pra-bayar *Touch 'n Go* selain daripada pembayaran secara *mobile payment*. Penumpang yang menggunakan kaedah *cashless* ini akan turut menikmati kadar diskaun sehingga 20% berbanding dengan bayaran tunai.

Sekian, terima kasih.